



Oleh **Noor Mohamad Shakil Hameed**

# Tangani gejala Money Boy

**H**asil kajian pakar sosial yang juga Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran menunjukkan lebih 85 peratus daripada lelaki yang terjebak dalam gejala 'Money Boy' adalah kaum Melayu yang ingin mengejar kemewahan menerusi jalan singkat dengan menawarkan pelbagai perkhidmatan, terutama seks kepada kaum sejenis.

Kajian yang dijalankannya ke atas 30 responden yang terdiri daripada 'Money Boy' pada 2010 hingga 2012 di sekitar Lembah Klang mendapati rata-rata daripada mereka berusia antara 15 hingga 30 tahun.

Menurutnya, gejala itu semakin serius, namun tidak disedari masyarakat umum kerana kegiatan mereka sukar untuk dikenal pasti dan dijalankan menerusi 'jalan belakang'.

Aktiviti itu kian menular kerana pendapatan lumayan yang diperoleh bagi setiap perkhidmatan yang ditawarkan.

Katanya, kebanyakan 'Money Boy' yang terdiri daripada pelbagai latar belakang, termasuk berpendidikan tinggi tidak kesal melakukan kegiatan tidak bermoral berkenaan.

Dalam hal ini, Mohammad Shatar menerangkan secara terperinci faktor yang menyumbang kepada penularan gejala itu serta ciri-ciri individu yang digelar sebagai 'Money Boy'.

Antara faktor utama yang menyumbang kepada money boy ialah kerana kesempitan hidup, wang dan juga nafsu. 'Money Boy' dilaporkan mampu memperoleh pendapatan secara purata di antara RM200 hingga RM300 untuk setiap perkhidmatan yang diberikan iaitu seseorang boleh memperoleh pendapatan sehingga RM5,000 sebulan.

Jelas kesempitan kehidupan serta kemahuan untuk hidup mewah menyebabkan anak muda kita terjebak ke gejala tidak sihat seperti ini agar mudah dan secara ekspres boleh memperoleh pendapatan yang lumayan. Mereka tidak perlu bersusah payah membanting tulang di hujan dan panas untuk menikmati kehidupan yang selesa dan mewah.

Di samping itu, antara ciri-ciri 'Money Boy' yang didedahkan ialah memiliki rupa paras menarik, wajah 'baby face', usia muda iaitu sekitar 20-an, ben-

tuk badan sasa, memiliki kemahiran berkomunikasi, menguasai bahasa Inggeris serta bercirikan lelaki metroseksual.

Kita khawatir masalah sosial ini boleh menghancurkan generasi muda negara ini andai tidak dicegah dan ditangani dengan segera. Sogokan pendapatan yang lumayan sudah semestinya mampu mengaburi mata golongan belia kita yang realitinya agak terdesak untuk mencari peluang pekerjaan yang baik dengan gaji menarik demi meneruskan kelangsungan hidup dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu serta berlakunya peningkatan kos sara hidup secara drastik.

Maka tidak hairanlah andai kita boleh merumuskan gejala itu boleh merebak dan bakal meningkat naik secara mendadak bagi memenuhi segala tuntutan nafsu dan gaya hidup belia kita.

Dalam konteks ini, semua pihak perlu berganding bahu dan memainkan peranan proaktif supaya dapat membendung gejala itu daripada berterusan menjadi virus yang sukar diubati kelak. Tanggungjawab ini perlu dipikul oleh pihak berkuasa, masyarakat dan sudah semestinya ibu bapa dan keluarga terdekat.

Di samping kita berharap pihak berkuasa melipatgandakan aspek penguatkuasaan, kita juga berharap agar pihak berkuasa agama tampil ke hadapan untuk melaksanakan pelbagai program berbentuk kesedaran supaya dapat mencegah belia kita daripada terjerumus ke gejala itu.

Sesi penerangan mahupun hebahan secara interaktif dan menarik yang memenuhi citarasa belia perlu dilaksanakan. Misalnya penggunaan media sosial perlu dioptimumkan kerana generasi Y sangat bergantung harap kepada media itu untuk berkomunikasi mahupun mendapatkan maklumat yang diperlukan.

Pihak berkuasa agama perlu bijak memanipulasi situasi ini untuk manfaat bersama.

Masyarakat juga perlu lebih bersifat peduli dengan apa yang berlaku di sekitar kita. Menurut kajian itu, gejala itu dilaporkan berlaku di lokasi yang popular dan tumpuan orang ramai di pusat bandar Kuala Lumpur.

**Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM**